



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100/2/1/2 JLD 3 () 02/12

**MAJLIS PENYAMPAIAN DIPLOMA KURSUS PEMERINTAHAN DAN STAF MALAYSIA
(KPSM) SIRI 47/2018**

Timbalan Menteri Pertahanan, YB Senator Liew Chin Tong telah menyempurnakan penyampaian Diploma Kursus Pemerintahan dan Staf Malaysia (KPSM) Siri 47/2018 di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM hari ini.

KPSM adalah kursus anjuran Maktab Turus Angkatan Tentera iaitu sebuah institusi latihan tiga perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia yang bertaraf ISO 9001:2008. Kursus ini disertai pegawai tentera yang terpilih dari ketiga-tiga perkhidmatan (TD, TLDM dan TUDM), pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan pegawai tentera dari negara sahabat yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia. Para graduan yang berjaya menerima Sijil 'psc' (*Passed Staff College*) dan Diploma Pascasiswazah Kajian Strategik dan Pertahanan. Program ini telah dibangunkan dengan kerjasama MTAT-UPNM sejak tahun 2012.

Objektif kursus adalah untuk melatih peserta menjawat jawatan sebagai Pemerintah dan Staf di dalam perkhidmatan bersama. Peserta didedahkan dengan strategi dan pertahanan untuk menganalisa, mentafsir, melaksanakan tugas sebagai Pegawai Memerintah serta berkemahiran menyelesaikan pelbagai masalah secara kritis dan kreatif.

Seramai 164 graduan telah berjaya menamatkan kursus yang mengambil masa selama 49 minggu bermula dari 9 Januari 2018 sehingga hari ini. Peserta didominasi dengan penuntut daripada Tentera Darat iaitu seramai 79 orang, TLDM dan TUDM masing-masing 19 penuntut, APMM seorang dan peserta dari luar negara seramai 46 orang terdiri daripada 27 buah negara. Senarai penerima anugerah seperti di **LAMPIRAN A**.

Untuk rekod, pihak maktab juga mengambil kesempatan untuk memperingati Allahyarham Mej Norazlan bin Abdul Kadir iaitu peserta kursus yang telah meninggal dunia di dalam kemalangan jalan raya pada 7 Nov 18. Allahyarham telah berjaya mencapai akreditasi dan layak untuk dianugerahkan diploma. Sebagai mewakili Allahyarham, maktab telah menjemput balu Allahyarham iaitu Puan Zalila binti Selamat untuk menerima anugerah berkenaan.

Turut hadir Panglima Angkatan Tentera, YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli bin Hj Zainal Abidin, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg Dato' Halimi Abd Manaf, Panglima-Panglima Perkhidmatan, warga ATM serta ahli keluarga penuntut kursus. – Sumber MTAT

-TAMAT-

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

SENARAI PENERIMA ANUGERAH

a. **Anugerah UPNM (Modul Kajian Polisi dan Strategi).**

(1) Mej Teo Zhi Yang (Singapore) - Peserta Kursus Luar Negara Terbaik Modul Kajian Polisi dan Strategi.

(2) Mej Norazlan bin Abu - Peserta Kursus Tempatan Terbaik Modul Kajian Polisi dan Strategi.

b. **Anugerah Komandan (Kertas Akademik).**

(1) Kdr Abu Sadat Mahmud Safeer Chowdhury (Bangladesh) - Peserta Kursus Luar Negara Terbaik Kertas Akademik.

(2) Mej Nor Azman bin Shahimi - Peserta Kursus Tempatan Terbaik Kertas Akademik.

c. **Anugerah Haigate (Modul Ketenteraan).**

(1) Mej Teo Zhi Yang (Singapore) - Peserta Kursus Luar Negara Terbaik Modul Ketenteraan.

(2) Mej Mohamad Iskandar bin Md Ruslan - Peserta Kursus Tempatan Terbaik Modul Ketenteraan.

d. **Anugerah Lembaga MTAT (Peserta Kursus Terbaik Keseluruhan KPSM Siri 47/2018).**

(1) Mej Teo Zhi Yang (Singapore) - Peserta Kursus Luar Negara Terbaik Keseluruhan.

(2) Mej Norazlan bin Abu - Peserta Kursus Tempatan Terbaik Keseluruhan.